



Rabu, 5 Mei 2021, 10:16am



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH



WAKTU SOLAT MALAYSIA

Kuala Lumpur



10:16 AM

5 Mei 2021, Rabu
23 Ramadhan, 1442

*Selamat Berbuka Puasa
dengan Coffee Brown*

Imsak
05:42 AMSubuh
05:52 AMZohor
13:13 PMAsar
16:32 PMMaghrib
19:20 PMIsyak
20:32 PM

KKM sudah lantik 8,302 pegawai kesihatan kontrak

Rafidah Mat Ruzki - Mei 4, 2021 @ 3:36pm

fidahruzki@bh.com.my



Jururawat adalah di antara kakitangan yang ditambah oleh KKM

Putrajaya: Seramai 8,302 petugas kesihatan kontrak sudah diambil setakat April lalu oleh Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia khususnya dalam usaha kerajaan menangani pandemik COVID-19 di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata KKM memperoleh kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk pengambilan petugas kesihatan kontrak iaitu 82 Pegawai Sains; 4,472 Jururawat; 2,249 Penolong Pegawai Perubatan; 666 Juruteknologi Makmal Perubatan; 340 Penolong Pegawai Persekitaran dan 293 Juru X-Ray Diagnostik.

Beliau berkata, jumlah itu termasuk kelulusan oleh Kementerian Kewangan bagi menyambung perkhidmatan sejumlah 200 orang Kaunselor yang kini menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan kesihatan mental kepada pelanggan di klinik kesihatan di seluruh negara.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 14m ○ **Pendekatan lebih sistematik bendung rasuah secara holistik**
- 20m ○ **Muhyiddin pengerusikan mesyuarat sulung MTKB**
- 34m ○ **United sedia labur RM514 juta beli Kane**
- 1h ○ **35 terbunuh dalam serangan pengganas di Nigeria**
- 1h ○ **COVID-19: UK peruntuk £29.3 juta bina makmal uji vaksin**
- 1h ○ **Disahkan positif COVID-19, Zakaria mohon maaf**
- 1h ○ **Dengar suara halus sebelum terjun ke laut**
- 1h ○ **Biden mahu 70% orang dewasa AS divaksin menjelang 4 Julai**

Katanya, kerajaan juga bersetuju meluluskan pelantikan semula sejumlah 3,622 Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi untuk tempoh satu tahun lagi dengan kos emolumen sebanyak RM 289.69 juta.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [COVID-19: Pusat kuarantin, rawatan berisiko rendah MAEPS Serdang rawat 215 kes positif](#)
- [JKJAV perinci takrifan petugas barisan hadapan](#)
- [Kontrak pegawai KKM disambung enam bulan lagi](#)
- [Definisi petugas barisan hadapan ditentukan pada mesyuarat JKJAV pagi ini](#)

"Pembaharuan kontrak akan dimaklumkan kepada pegawai, sebelum kontrak sedia ada berakhir.

"KKM juga sudah melantik 3,042 orang personel MySTEP bagi membantu tugas-tugas bukan klinikal di seluruh fasiliti kesihatan dan institusi di bawah kementerian," katanya.

Selain pengambilan petugas kesihatan kontrak, KKM turut melaksanakan mobilisasi dalaman petugas kesihatan, selepas mengambil kira situasi semasa jangkitan COVID-19 di beberapa negeri, membabitkan pelbagai skim perkhidmatan seperti Pakar Perubatan Klinikal; Pakar Perubatan Kesihatan Awam; Pegawai Perubatan; Pegawai Sains; Penolong Pegawai Perubatan; Jururawat; Juru X-Ray Diagnostik; Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran; Juruteknologi Makmal Perubatan; Pembantu Tadbir (Kewangan) dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi).

Bagi tujuan itu, Dr Adham berkata, sejumlah 648 petugas kesihatan dimobilisasi ke Sarawak, manakala sejumlah 366 lagi dihantar ke Kelantan mulai 26 April lalu.

"Inisiatif seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan kritikal di negeri-negeri tertentu selain memastikan keperluan sedia ada di negeri lain tidak terjejas.

"KKM merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), kementerian dan agensi awam serta pentadbiran kerajaan negeri yang memobilisasikan anggota masing-masing untuk membantu KKM di penempatan seperti Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC), Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC), COVID-19 Assessment Centre (CAC) dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

"Seramai 306 anggota Kumpulan Pelaksana seperti Penolong Pegawai

VAKSIN



NASIONAL Mei 4, 2021 @ 4:43pm

[1,660 lokasi berisiko tular COVID-19](#)



NASIONAL Mei 4, 2021 @ 11:05am

[Jemaah haji disuntik vaksin Pfizer-BioNTech atau AstraZeneca](#)




NASIONAL Mei 3, 2021 @ 3:37pm

['PICK ikut bekalan vaksin diterima' - Khairy](#)



NASIONAL Mei 3, 2021 @ 3:06pm

[AstraZeneca ditawarkan sukarela di seluruh negara](#)



ASIA Mei 3, 2021 @ 7:35am

[Jemaah umrah wajib ada insurans COVID-19](#)



ASIA Mei 3, 2021 @ 6:44am

[Arab Saudi buka sempadan 17 Mei](#)

TRENDING



KES Mei 4, 2021 @ 9:21pm

[Selebriti media sosial dikompaun RM1,500](#)



NASIONAL Mei 4, 2021 @ 6:27pm

[SOP sambutan Aidilfitri tahun ini](#)



NASIONAL Mei 4, 2021 @ 5:34pm

[6 daerah di Selangor kena PKP](#)



SELEBRITI Mei 4, 2021 @ 3:00pm

[Apek jawab gosip kahwin dua](#)



SELEBRITI Mei 4, 2021 @ 1:00pm

['Bukan nak aniaya bakal menantu'](#)

MYRESIPI



INFOMASI Mei 4, 2021 @ 1:16pm

[Jom Cuba Resepi Pisang Salai Kastard, Hidangan Dessert Kegemaran Ramai!](#)



INFOMASI Mei 4, 2021 @ 1:14pm

[Simple Tapi Sedap! Ini Resepi](#)

Tadbir, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pegawai Khidmat Pelanggan dan Pemandu dimobilisasi bagi membantu Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah," katanya.

Dr Adham berkata, pihaknya berharap pelaksanaan inisiatif itu dapat meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan dalam usaha Kerajaan menangani penularan pandemik wabak COVID-19 di negara ini.



[Starwberry Crumble](#); [Versi Coklat](#)



[Resepi Limau Ais Bersama Bunga Telang, Nikmat Diminum Ketika Berbuka Puasa!](#)



[Jom Cuba Resepi Legend Lempeng Naik, Cicah Dengan Kuah Kari Memang Sedap!](#)



[Jom Masak Singgang Daging Ala Thai, Rasa Masam Manis Memang Padu Lah!](#)

BERITA BERKAITAN

NGGARAN BILANGAN ANGGOTA BANTUAN YANG DIPERLUKAN DALAM SEBULAN MENGIKUT JAWATAN BAGI 2021

KATEGORI ANGGOTA	BILANGAN ANGGOTA YANG DIPERLUKAN SETIAP BULAN
JURURAWAT	6075
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	500
PKG/PPKP	750
PAKAR	600
PEMBANTU KESIHATAN AWAM	600
PEGAWAI PERUBATAN	480
PEMANDU	450
PEMANDU KKM	450
JTMB	375
PT	150
JURU X-RAY	150
PPK	75
PEGAWAI FARMASI	75
IT	75
PEGAWAI SAINS	75
JUMLAH	11280



[NASIONAL](#) Jan 31, 2021 @ 1:48pm

[NASIONAL](#) Okt 12, 2020 @ 1:23pm

COVID-19: KKM perlu 11,280 petugas kesihatan tambahan

1,899 lagi petugas kesihatan akan dilantik secara kontrak




[NASIONAL](#) Apr 23, 2020 @ 5:50pm
[325 petugas KKM positif COVID-19](#)

[NASIONAL](#) Apr 4, 2021 @ 4:17pm
[Kaji punca rakyat kurang daftar suntikan vaksin COVID-19](#)

Disyorkan untuk anda

Recommended by



Motion For Life.
Michelin Malaysia



Actress Seo Ye-ji loses deals and drama role, face...
Straits Times



UK lawmakers call for PM Johnson to...
Straits Times



\$200 is now enough to generate a...
Lear how to do it!



Mark Zuckerberg Buys 600 Acres on Kauai in \$53...
Mansion Global



The Cost of Home Stairlifts in Putrajaya in 202...
Stair Lift | Search Ads



New Anti-Mosquito Device Is Taking...
simplifieddiscountfinder.c...



A shopping paradise for Neon Genesis...
FROM JAPAN Blog
[Register Now](#)

IKUTI KAMI DI:



BERITA

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

SUKAN

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

LANGGAN

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)